

Pakar kita: Anjuran Mahathir

PORT DICKSON, Khamis

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengesyorkan penubuhan satu kumpulan pakar tempatan dari pegawai Kerajaan sendiri supaya negara ini tidak bergantung kepada pakar-pakar luar negeri semata-mata.

Katanya kita tidak harus bergantung terus kepada pakar-pakar luar negeri sahaja untuk memimpin kita, setelah kita mencapai dan menikmati kemerdekaan 20 tahun yang lalu.

Kumpulan pakar-pakar tempatan itu, tambah beliau, boleh diwujudkan dengan melatih dan memberi pengalaman yang seluas-luasnya kepada pegawai yang layak dan berkemampuan.

Teganya, masanya sudah sampai bagi negara ini mengharapkan pakar-pakar tempatnya sendiri memainkan peranan utama dalam penyelidikan, perancangan dan penilaian pembangunannya di samping pakar-pakar tambahan dari luar negeri. Beliau berkata demikian semasa merasmikan "Seminar Kebangsaan Mengenai Koordinasi Sistem Penilaian dan Penyelidikan Impek Pembangunan Sosio-ekonomi" di sini hari ini.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir terdapat berbagai kelemahan dalam pelaksanaan dan penilaian pembangunan sosio ekonomi kerana kurang penyelidikan yang rapi.

"Ini adalah kerana kurangnya pakar-pakar penyelidikan sosio ekonomi dari kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan akibatnya banyak kajian kemungkinan serta penilaian projek-projek pembangunan yang besar terus dijalankan oleh pakar-pakar dari luar negeri."

Sungguhpun pakar-pakar dari luar negeri ini telah mempunyai latihan yang tinggi serta pengalaman yang luas, mereka tentu sahaja kurang memahami masalah-masalah masyarakat, cara berfikir dan kebudayaan kita, tambah beliau.

Sosial

Katanya, walaupun mereka berkemampuan untuk memberikan cadangan-cadangan serta perakuan tegas di bidang-bidang teknik pembangunan, mereka kurang faham tentang aspek-aspek ke-masyarakatan dan sosial yang boleh mempengaruhi proses pelaksanaan projek-projek itu nanti.

Beliau menegaskan dalam usaha Kerajaan meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara kepada tahap yang optimum, koordinasi sistem penilaian dan penyelidikan ke atas kesan pembangunan sosio ekonomi memanglah sangat mustahak.

Dikaji

"Perancangan pembangunan dan pelaksanaannya tidak akan mencapai objektifnya jika kita tidak sentiasa membuat penilaian.

"Malah perancangan dan penilaian pembangunan harus berjalan serentak supaya hasil penilaian itu dapat menjadi asas bagi memperbaiki perancangan dan penyusunan dasar untuk mencapai hasrat dan kehendak-kehendak rakyat."